



BAB
2

PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN DAN BIDANG KUASA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan), (No. 2) 1973.¹ Melalui pindaan ini, Kerajaan Pusat telah mengadakan perjanjian dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih Daerah Kuala Lumpur untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Keluasan kawasan yang terlibat seluas 94 batu persegi.² Sehubungan itu, Daerah Kuala Lumpur dipisahkan dari Negeri Selangor.

Sejak pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai sebuah Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, semua bidang kuasa terhadapnya diletakhak (*vested*) kepada Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan kuasa tersebut, Kuala Lumpur mempunyai pentadbiran sendiri dan mempunyai kuasa terhadap semua percukaian dan kerajaan tempatan. Seajar dengan pentadbiran lain yang telah dipisahkan, Pentadbiran Hukum Syarak bagi Daerah Kuala Lumpur yang menggunakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor

¹ Akta Perlembagaan, Seksyen 6(4)

² Peta Daerah Kuala Lumpur, 1973, Fail Pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kandungan dalam P.P.N. Sel. No. 360/5

1952 turut diubahsuai menurut Perintah Wilayah Persekutuan 1974 menjadikan ia terpisah daripada pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor. Bagi tujuan tersebut, Majlis Agama Islam yang berasingan telah ditubuhkan dan Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah Yang DiPertuan Agong.³

Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, berdasarkan peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973. Sehubungan itu, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 turut diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Hukum Syarak) 1974. Seksyen 5 Enakmen tersebut dengan jelas memperuntukkan, “hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”. Peranan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah sama sepertimana Majlis Agama Islam negeri-negeri lain. Rajah 2.1 menunjukkan cadangan organisasi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan semasa ia ditubuhkan.⁴

³ Surat Pekeliling Am Bil. 6, 1973, daripada Ketua Setiausaha Negara kepada semua ketua jabatan Negeri Selangor, 1 Disember 1973, kandungan dalam P.P.N. Sel. No. 360/5. Lihat juga *Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(5)*

⁴ *Ibid.* Lampiran B